



UMK.B01.02.100-1/3/1 (8)

16 MAC 2020

PEKELILING AKADEMIK BIL.3/2020

**PELAKSANAAN KADEAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) MELALUI
ePEMBELAJARAN BAGI SEMUA PROGRAM PENGAJIAN UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN (UMK).**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Kelantan mengambil inisiatif dalam memastikan urusan akademik khususnya Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) berada pada tahap gangguan yang minima berhubung dengan penularan wabak pandemik COVID-19.
3. Bermula pada 17 Mac 2020 sehingga satu tempoh yang akan dimaklumkan kemudian, kaedah P&P semua pelajar UMK yang melibatkan lebih 50 orang pelajar WAJIB dilaksanakan secara ePembelajaran untuk menggantikan P&P secara bersemuka (*face-to-face*).
4. Manakala bagi pelaksanaan P&P yang kurang dari 50 orang pelajar, praktikal atau amali seperti penggunaan makmal, studio, bengkel, klinik, mobiliti (*inbound/outbound*), kerja lapangan, *kitchen*, spa dan seumpamanya yang tidak melibatkan orang awam boleh dilaksanakan secara bersemuka dengan menitik beratkan langkah pengawalan dan pencegahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UMK. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kaedah ePembelajaran adalah digalakkan.
5. Semua pelaksanaan P&P mestilah mengikut jadual semasa yang dikeluarkan oleh pihak Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA). Semua pelajar dan staf akademik perlu berada di kampus sepanjang tempoh pelaksanaan ini.

6. UMK akan mengeluarkan notis susulan dari semasa ke semasa berhubung keperluan penggunaan kaedah ePembelajaran sebagai perantara P&P tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh KKM dan PKU.


Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- | | | |
|------|---|---|
| s.k. | - | Naib Canselor |
| | - | Timbalan Naib Canselor - Timbalan Naib Canselor |
| | - | Pendaftar |
| | - | Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian |
| | - | Timbalan Pendaftar, Bahagian Pentadbiran Akademik |